

UNSUR--UNSUR KEMELAYUAN DI DALAM
PERKEMBANGAN SENI CATAN MALAYSIA BARAT.

Oleh.

IBRAHIM BIN IDRIS.

Latihan Ilmiah

Untuk memenuhi sebah. giat daripada
Syarat-syarat ijazah Sarjana Muda saastera dengan
Kepujian Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan .

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1981 / 1982.

<u>Isi kandungan.</u>	<u>Muka surat.</u>
Prakata.	
Pendahuluan.	
Bab 1. -----1.1 : Melayu dan pengertiannya.	- 1 -
1.2 : Unsur-unsur Melayu di dalam seni rupa.	- 6 -
.	
Bab 2. -----2.1 : Pen ⁹ ertian seni catan dan medium yang digunakan.	- 28 -
2.2 : Warna (cat).	- 31 -
2.3 : Tonaliti warna.	- 35 -
2.4 : Bentuk (form).	- 37 -
2.5 : Garisan.	- 39 -
2.6 : Ruang.	- 40 -
.	
Bab 3. -----3.1 : Tinjauan secara umum perkembangan seni catan di Malaysia Barat.	- 42 -
3.2 : Unsur-unsur kemelayuan di dalam seni catan.	- 47 -
.	
Bab 4. -----4.1 : Beberapa aspek permasalahan penerapan unsur kemelayuan di dalam seni catan.	- 65 -
4.2 : Gambar-gambar/ Ilustrasi.	- 77 -
4.3 : Bibliografi.	- 105 -

oooooooooooo0000000000oooooooooooo

PRA-KATA.

Ku abadikan untuk,
Mak Long dan Mak Utih
yang mendoakan dan sentiasa
berkorban demi kejayaan ku...

Emak dan Ayah
yang tidak putus-putus meminta restu dari Illahi
dan mengharapkan...

Adik-adik yang disayangi,
Katawa riang dan sedu sedan mu
menbenihkan semangat ku untuk terus
berusaha...

Pak Anjang dan Mak Cik
yang bersimpati

Semoga setiap rentak dan langkah di-
perjalanan hidup kita diberkati Allah
hendaknya .

Ibrahim bin Idrus
Pejabat Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

PENGHARGAAN.

Bismil' Llahi'r Rahmani'r Rahim

Dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi Mengasihani.

Lafaz Al-Hamdu Li'Llah saya ucapkan kerana dengan izinNya Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Professor Madya Chew Teng Beng selaku penyelia saya, dan juga kepada Encik Ismail Hashim selaku penolong penyelia yang telah banyak memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang berguna di sepanjang penyelenggaraan Latihan Ilmiah ini.

Akhirnya , tidak lupa kepada pihak Muzium Dan Galeri Universiti Sains Malaysia dan semua pihak yang terlibat di dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Terima kasih.

Ibrahim bin Idrus
Bahagian Seni Halus,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

PENDAHULUAN.

Seni catan adalah salah satu daripada cabang seni halus . Selain daripada seni catan, yang terangkum di dalam bidang seni halus ialah seni arca, seni cetak, rukabentuk grafik dan fotografi. Kegiatan seni catan moden di Malaysia Barat pada asasnya bermula pada tahun 1930an . Catan air adalah pelopor bagi tapak perkembangan seni catan Malaysia. Bertolak dari catan air, kegiatan seni catan tempatan telah mengalami proses kematangan. Memang tidak dapat dinafikan bahwa kemasukan penjajah Inggeris telah memperkenalkan kepada Malaysia akan kegiatan seni catan, masyarakat Melayu dan Cina yang tinggal di negara ini, telah bersama-sama berganding bahu di dalam usaha meninggikan taraf seni catan tanahair. Daripada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, telah lahir seniman seni catan yang berkebolehan .

Pada hari ini kegiatan seni catan tempatan telah menduduki tahap yang amat membanggakan. Kita telah ada Muzium Seni Negar , yang ditubuhkan pada tahun 1958 untuk menyimpan karya-karya seni catan. Di kebanyakan negeri juga sudah mempunyai Muzium seni sendiri . Di dalam bidang pelajaran, seni halus telah diajarkan di pusat-pusat pengajian tinggi. Iaitu di maktab-maktab perguruan, di Institut Teknologi Mara dan di Universiti Sains Malaysia . Selain daripada itu, berbagai pertubuhan seni catan telah wujud. Persatuan Pelukis Malaysia adalah merupakan persatuan yang terbaru ditubuhkan disepanjang kegiatan seni catan tempatan . Ia ditubuhkan

pada 25hb April 1980. Kemunculan persatuan ini jelas menunjukkan bahawa kegiatan seni catan terus wujud dari masa ke semasa. Walau pun seni catan telah mengalami perkembangan yang membanggakan, namun begitu kita masih lagi kekurangan buku-buku dan rencana-rencana mengenai kegiatan seni catan tanahair. Kita amat kekurangan bahan-bahan bacaan tentang seni halus di negara kita sendiri . Berbagai langkah yang positif perlu diambil untuk memperbanyakkan lagi bahan-bahan bacaan dan kajian tentang seni halus khasnya bidang seni catan. Penuntut-penuntut bidang seni halus di pusat-pusat pengajian tinggi perlulah membuat penyelidikan tentang perkembangan seni catan dan bidang seni halus yang lain.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia telah mewajibkan penuntut-penuntut tahun akhir seni halus untuk membuat Latihan Ilmiah adalah satu langkah yang baik. Sebagai seorang penuntut tahun akhir di dalam bidang seni halus saya telah mengambil kesempatan ini untuk membuat kajian ilmiah tentang perkembangan seni catan di Malaysia Barat. Tajuk kajian saya ialah Unsur-unsur kemelayuan di dalam perkembangan seni catan di Malaysia Barat. Saya adalah penuntut bidang seni halus kumpulan yang pertama menghasilkan Latihan Ilmiah ini. Sebagai pelupur di dalam kajian ilmiah ini, sudah tentulah tidak dapat lari dari sebarang kelemahan dan kesilapan. Selama ini belum ada penulis dan pengkaji yang ambil kira tentang tajuk yang saya kemukakan di atas. Tajuk ini adalah menarik, kerana kita akan mengetahui sejauh manakah terdapatnya unsur-unsur kemelayuan

yang terdapat di dalam seni catan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat gambaran unsur-unsur kemelayuan yang terdapat di dalam perkembangan seni catan. Sebagaimana yang kita ketahui, terdapat banyak aliran yang menjadi ikutan para pelukis. Antaranya ialah aliran Surrealisme, Romantisme, Abstrak Expressionisme, Fauvisme dan Kubisme. Kesemua aliran-aliran yang tersebut tadi adalah berasal dari Barat. Walaupun banyak terdapat aliran-aliran di dalam seni catan, terdapat masih ramai pelukis tempatan yang menerapkan unsur kemelayuan di dalam karya mereka. Unsur-unsur kemelayuan inilah yang akan dikaji dan diteliti.

Di dalam kajian terhadap tajuk yang saya surangkan di atas tadi, saya menkaji dari sudut pelukis dan karya mereka yang ada mempunyai unsur-unsur kemelayuan. Selain daripada itu, saya juga menggunakan kaedah perpustakaan, iaitu dengan merujuk kepada buku-buku, majalah-majalah dan katalog pameran. Perlu difahamkan di sini bahawa kita amat kekurangan buku yang menceritakan perkembangan seni catan tempatan. Oleh yang demikian saya terpaksa berpandukan kepada katalog-katalog pameran dan biodata pelukis yang telah dihasilkan semasa pameran diadakan.

Semasa menyiapkan kajian ini, saya terpaksa mengesan para pelukis yang menerapkan unsur-unsur kemelayuan di dalam karya mereka. Kebanyakan pelukis-pelukis yang dipilih adalah pelukis yang agak terkenal. Kerana ada di antara pelukis yang menggunakan unsur kemelayuan hanya pada sebahagian kecil karya mereka.

Latihan Ilmiah ini mengandungi empat bab.

Tajuk-tajuk kecil di dalam tiap-tiap bab ada dinyatakan di dalam daftar isi kandungan. Di dalam bab yang pertama telah diceritakan serba ringkas mengenai Melayu dan pengertiannya. Di sini diceritakan golongan Melayu yang dimaksudkan, dan ruang lingkup kehidupan masyarakat Melayu di Nusantara. Selain daripada itu, diceritakan juga tentang unsur-unsur kemelayuan di dalam seni rupa Melayu. Umpamanya konsep estetika yang terdapat di dalam bentuk ukiran, kraf tangan, senjata(keris), permainan(Wau bulan), dan anyaman. Di sini kita akan meninjau sejauh manakah unsur-unsur kemelayuan yang terdapat di dalam seni rupa ini diterapkan di dalam seni catan. Adakah unsur-unsur kemelayuan yang terdapat di dalam seni catan hanya menyentuh dari aspek kehidupan sahaja.

Di dalam bab yang kedua, saya menyentuh tentang pengertian seni catan dan medium yang digunakan. Pada henti saya bab ini adalah penting juga, kerana selama ini masih ramai lagi peminat seni catan yang tidak begitu faham apakah yang dimaksudkan dengan seni catan dan medium yang digunakan. Di sini ada diterangkan dengan teliti apakah yang dikatakan warna(cat), tonaliti warna, bentuk(form), garisan dan ruang. Penerangan yang terdapat di dalam bab ini adalah bermaksud untuk memberi pemahaman kepada para pemorhati seni cara-cara untuk menilai sesebuah catan dengan kaedah yang betul. Bab ini juga boleh monolong pmorhati seni untuk menghayati seni dan menginterpretasi sesebuah karya . Ia dianggap kunci untuk menilai sesebuah karya seni catan.

Di dalam bab tiga mengadungi dua tajuk kecil, iaitu tinjauan secara umum perkembangan seni catan di Malaysia Barat dan unsur-unsur kemelayuan yang terdapat di dalam seni catan tempatan. Tinjauan secara umum perkembangan seni catan di-Malaysia Barat akan dapat memberi gambaran kasar akan tahap-tahap yang penting di sepanjang kegiatan seni catan. Unsur-unsur kemelayuan yang terdapat di dalam seni catan akan ditinjau dari aspek tema, hal benda, motif-motif, teknik, dan ikonografi yang terdapat. Catan-catan yang dipilih akan dinilai satu persatu, mengikut kronoloji kemunculan pelukis-pelukis yang dipilih. Tatkal menilai dan mengkaji unsur-unsur kemelayuan yang terdapat di dalam karya tersebut, soalan apakah dan kenapakah pelukis tersebut menerapkan unsur-unsur kemelayuan juga akan cuba dijawab.

Bab empat adalah morupakan penutup kepada kajian ilmiah ini. Tumpuan ^a di dalam bab ini ialah beberapa aspek permasalahan penerapan unsur-unsur kemelayuan di dalam seni catan. Beberapa sebab dan masalah penerapan unsur kemelayuan akan cuba dibangkitkan, dan cuba dicari penyelesaiannya. Adakah kesukuan pengaruh Barat mengurangkan penerapan unsur-unsur kemelayuan atau sebaliknya, semuanya ini akan dijawab di dalam bab empat. Unsur-unsur kemelayuan yang diceritakan di dalam seni catan adalah berkait dengan soal budaya Melayu sendiri. Kerana kemajuan budaya dan peradaban manusia adalah berkait rapat dengan penghasilan karya seni seperti seni catan.

Budaya ialah pola perhubungan manusia dalam kumpulan tertentu(masyarakat). Pola itu ditentukan oleh nilai, perasaan, kepercayaan dan perlakuan anggota kumpulan itu. Karyakarya seni seperti seni catan adalah terapan pola tersebut kedalam bentuk 'visual'. Lazimnya sesebuah catan yang dihasilkan dan dinikmati kemurnian dan keharmonian di dalam budaya. Aturan yang mengatur perasaan, nilai, kepercayaan dan perlakuan sehingga melahirkan kemurnian dan keharmonian tersebut ialah keseimbangan 'rhythm' dan kesatuan budaya.

Di dalam konteks ini, seni catan boleh memainkan peranan penting di dalam mengenalkan budaya Melayu kepada masyarakat tempatan dan luar negeri. Seni catan yang dihasilkan adalah amat wajar menunjukkan konsep kemelayuan, dengan cara mengambil tema-tema dan budaya Melayu sendiri. Penerapan unsur-unsur kemelayuan oleh pelukis-pelukis tempatan sangat dialukan. Ini bukan bererti kita menolak aliran-aliran seni catan dari Barat. Para pelukis mempunyai kebebasan untuk memilih aliran yang mereka suka. Namun begitu, penerapan unsur-unsur kemelayuan dan lanskap tempatan perlulah dipertahan dan diteruskan disepanjang perkembangan seni moden Malaysia.